

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
(TEBRAU)**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kementerian untuk memerangi peningkatan penipuan siber dan memberi maklumat terperinci jenis dan bilangan kes penipuan yang dilaporkan serta bilangan kes tangkapan, dakwaaan dan dijatuh hukuman pada tahun 2020 dan 2021 sehingga bulan September.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius berhubung keskes yang melibatkan jenayah penipuan atas talian. Pelbagai Modus Operandi (MO) penipuan atas talian yang telah dikesan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dilakukan oleh sindiket antaranya seperti Belian Online, Pinjaman Tidak Wujud, Pelaburan, African Scam, Macau Scam dan *Business Email Compromise* (BEC). Pada tahun 2020, sebanyak 8,397 tangkapan telah dibuat dan sebanyak 5,772 pertuduhan telah pun dilaksanakan. Manakala, bagi tempoh Januari hingga September 2021 pula, tangkapan adalah sebanyak 7,105 orang dan 4,178 pertuduhan telah dibuat di mahkamah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelbagai usaha telah dijalankan oleh PDRM untuk memerangi sindiket penipuan seperti ini termasuklah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang, pengoperasian, tangkapan dan seterusnya menjalankan pendakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam penipuan. Di antara langkah-langkah lain yang telah diambil dan dirancang oleh pihak polis termasuklah:

- a) Menjalankan ceramah, taklimat dan sesi dialog kepada kakitangan kerajaan, syarikat swasta dan NGO-NGO secara berkala. Sesi ini turut dijalankan secara atas talian melalui medium Facebook, televisyen dan radio;
- b) Bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM) untuk menurunkan iklan-iklan haram berkaitan penipuan atas talian ini;
- c) Mewujudkan platform akaun Facebook “*Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police*” untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai skim pelaburan tidak wujud ini. Satu portal juga telah dibangunkan oleh PDRM bagi memudahkan orang awam untuk membuat semakan nombor telefon sindiket ataupun akaun-akaun

## **SOALAN NO : 43**

bank yang digunakan oleh sindiket dalam urusan penipuan. Portal tersebut boleh dicapai melalui pautan <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule> dan ianya boleh dimuatnaik dengan menggunakan telefon mudah alih;

- d) Mewujudkan CCID *Scam Respond Center* di talian 0326101559 atau 0326101599 di mana orang ramai boleh membuat panggilan untuk mendapatkan maklumat dan menyemak kesahihan panggilan bagi sebarang transaksi yang meragukan. Talian ini beroperasi dari jam 09.00 pagi hingga 10.00 malam pada setiap hari; dan
- e) Mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001(AMLATFPUAA) bagi tujuan pembekuan dan pelucutahan wang dari akaun sindiket juga diambil oleh pihak PDRM. Bagi mana-mana suspek yang tidak cukup keterangan untuk dituduh di mahkamah, mereka akan dikenakan tindakan dibawah undang-undang pencegahan seperti Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA).